



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN ANAK MERDEKA

KUALA LUMPUR, 31 Ogos 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah hadir ke Majlis Sambutan Anak Merdeka bersempena sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-66 anjuran Arkib Negara Malaysia (ANM) di Memorial Tun Hussien Onn, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur hari ini. Program ini mendapat kerjasama strategik daripada Persatuan Warisan Anak Merdeka Kuala Lumpur dan Selangor.

Sambutan Anak Merdeka ini telah menghimpunkan anak-anak merdeka yang lahir pada 31 Ogos terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan generasi bagi meraikan sambutan hari kelahiran mereka di samping menyertai pelbagai aktiviti santai yang menarik bersama keluarga.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan harapan agar program bersifat kemasyarakatan ini melalui penglibatan ibu bapa dan anak-anak dapat menyuburkan semangat patriotisme, semangat muhibah dan perpaduan serta jati diri. “Ia secara tidak langsung dapat mendekatkan masyarakat dengan Arkib Negara Malaysia melalui program-program pengembangan dan advokasi untuk mengukuhkan perpaduan, keperibadian, jati diri rakyat dan identiti nasional sesuai dengan aspirasi Dasar Perpaduan Negara”, ujar YB Datuk Aaron.

Antara aktiviti menarik yang disajikan semasa sambutan tersebut ialah acara lawatan berpandu ke Memorial Tunku Abdul Rahman, Memorial Tun Hussein Onn dan Memorial Negarawan, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, pertandingan susun suai gambar (*puzzle*), *treasure hunt* anak-anak merdeka

bersama keluarga dan orang awam di Kompleks Arkib Perdana Menteri dan Arkib Negarawan (KAPMAN), sesi perkongsian pengalaman, deklamasi sajak/puisi dan persembahan muzik sempena sambutan kemerdekaan.

Masyarakat disaran untuk menjadikan 11 buah memorial, galeri, pustaka dan rumah kelahiran sebagai lokasi lawatan dan rekreasi keluarga, beriadah sambil menerapkan semangat patriotisme kepada anak-anak. Memorial ini juga boleh diakses secara maya melalui <http://enegarawan.arkib.gov.my>.

YB Menteri Perpaduan Negara turut berharap agar usaha ini mendapat sokongan dan dokongan oleh semua agensi kerajaan, swasta dan pempengaruh (*influencer*) bagi menyebarkan luas dan memasyarakatkan sejarah tokoh Negarawan kepada rakyat supaya dapat meningkatkan semangat patriotisme dan jati diri.

Kementerian Perpaduan Negara

31 Ogos 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()